

PROMOSI KAD DEBIT HONG LEONG BERSAMA KEDAI BUKU POPULAR –KEMPEN KEMBALI KE SEKOLAH

Kemas kini terakhir pada 22 Disember 2017

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Kad Debit Hong Leong bersama Kedai Popular– Kempen Kembali ke Sekolah” Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) (“Promosi”) bermula pada **22 Disember 2017** dan berakhir pada **14 Januari 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut.

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Debit Hong Leong warga Malaysia dan bukan warga Malaysia termasuk Pemegang Kad Debit Mach (“Pemegang Kad”).
2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada Pemegang Kad Debit Hong Leong Islamic –i.

KAEDAH PROMOSI

3. Pemegang Kad adalah layak menikmati rebat segera sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70.00) dalam satu resit menggunakan Kad Debit Hong Leong atau Kad Debit Mach mereka di semua Kedai Buku Popular di Malaysia (“Popular”) sepanjang Tempoh Promosi (“Rebat Segera”).
4. Pemberian Rebate Segera adalah atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada **Lima Ribu (5,000)** penebusan sepanjang Tempoh Promosi.
5. Jumlah pembayaran Rebate Segera dihadkan kepada **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000)** sepanjang Tempoh Promosi.
6. Pemegang Kad dianggap tidak layak menikmati Rebate Segera jika Pemegang Kad tidak menerima rebat tersebut atas apa jua sebab pun dan sebarang rayuan / permintaan pembayaran ganti Rebate Segera tidak akan dilayani.
7. HLB akan memaklumkan kepada Pemegang Kad jika sekiranya Rebate Segera telah mencapai hadnya (iaitu RM50,000 dan / atau 5,000 penebusan telah diperuntukkan semasa Tempoh Promosi) dengan menyiarkan pemakluman itu dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”).
8. Rebate Segera adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan / atau cukai kerajaan semasa atau cukai lain atau levi jika berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya.
9. Rebate Segera tidak boleh digunakan bersama dengan baucar hadiah Popular yang lain dan / atau baucar tunai yang boleh didapati di Popular melainkan dinyatakan sebaliknya. Oleh yang demikian, Pemegang Kad tidak layak menikmati Rebate Segera jika sekiranya Pemegang Kad menggunakan baucar hadiah Popular yang lain dan / atau baucar tunai yang boleh didapati di Popular biarpun amaun yang tertera pada resit selepas digunakan baucar hadiah Popular yang lain dan / atau baucar tunai yang boleh didapati di Popular adalah lebih daripada RM70.00.

10. Popular mungkin mempunyai terma dan syaratnya sendiri berkenaan penawaran, penebusan, penggunaan dan / atau penyediaan Rebat Segera atau bersabit dengan Promosi (“Terma & Syarat Popular”).
11. Pihak Popular berhak mengubah butir-butir berkenaan dan Terma & Syarat Popular berkaitan dengan Promosi pada bila-bila masa tanpa memberi notis awal. Pemegang Kad dinasihatkan menyemak butir-butir dan Terma & Syarat Popular dengan kakitangan Popular.

UMUM

12. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad:
 - i. Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - ii. Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong dan transaksi Kad Debit masing-masing, atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang boleh dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan;
 - iii. Bersetuju mematuhi terma dan syarat penggunaan Rebat Segera yang ditetapkan oleh Popular dan / atau apa-apa terma dan syarat yang diberi oleh Popular;
 - iv. Bersetuju bahawa Rebat Segera tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, wang tunai, cek atau manfaat barangan;
 - v. Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
 - vi. Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
13. HLB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa jenis liabiliti berbangkit atau dialami bagaimana pun oleh Pemegang Kad dan / atau pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung akibat menyertai Promosi ini.
14. HLB bukanlah rakan kongsi bergabung dengan Popular dan tidak membuat representasi atau waranti berkenaan kualiti dan kesesuaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pemegang Kad dengan kos dan perbelanjaan sendiri hendaklah mengurus terus dengan pihak Popular atas sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Promosi ini tanpa merujuk kepada HLB.
15. Pemegang Kad akan dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
16. HLB berhak :
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara mutlak HLB dengan memberi notis awal dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar kepada Pemegang Kad;
 - (b) menggantikan Rebat Segera dengan sesuatu lain yang sama nilainya, atas budi bicara mutlaknya;
 - (c) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas apa jua sebab sekalipun yang didapati wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi dan / atau layak menikmati Rebat Segera; dan

(d) melupuskan Rebat Segera jika sekiranya Pemegang Kad Layak gagal mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong

17. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
18. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemenang bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
19. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong yang dipautkan kepada Kad Debit Hong Leong layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).